

Bil. S 35

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PIHAK BERKUASA INDUSTRI TEKNOLOGI
INFO-KOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2003 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuatkuasa Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001 [S 14/2002].

Pindaan Jadual Pertama kepada S 14 tahun 2002.

2. Jadual Pertama kepada Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001 adalah dipinda dengan memotong perenggan 1 dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"Lantikan Pengerusi dan ahli-ahli.

1. (1) Pengerusi dan ahli-ahli lain Pihak Berkuasa hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Menteri boleh melantik Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa sebagai seorang ahli Pihak Berkuasa."

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 15 haribulan Februari, 2003 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM